

BERITA HARIAN, SABTU, 30 JANUARI, 1982

RAMAI AHLI UMNO DI JITRA

JITRA, Jumaat — UMNO Cawangan Jitra yang dianggotai oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed, adalah cawangan paling ramai ahli dalam Bahagian Kubang Pasu.

Ahli UMNO dalam cawangan itu kini meningkat 550 orang, berbanding dengan hanya 500 tahun lalu.

Cawangan Jitra merupakan salah sebuah daripada 124 cawangan UMNO yang aktif dalam bahagian tersebut.

Ketua UMNO cawangan itu, Encik Nazril bin Mohamed Zain, berkata bilangan ahli baru semakin bertambah dari masa ke semasa.

Katanya, cawangan tersebut masih menerima permohonan menjadi ahli dan borang-borang boleh didapati dari beliau atau Setiausaha UMNO cawangan berkenaan, Encik Ghani bin Awang.

Sementara itu, Encik Nazril mengingatkan ahli-ahli yang belum menjelaskan yuran ta-

hunan supaya berbuat demikian kerana mesyuarat agung tahunan cawangan akan diadakan tidak lama lagi.

Menurutnya, di antara orang-orang terkenal yang menjadi ahli cawangan itu ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah, Prof. Datuk Awang Had Salleh dari UKM, Prof. Madya Shahnun Ahmad dari USM, Ahli EXCO Negeri Kedah, Datuk Haji Osman Aroff, dan wakil rakyat kawasan Kuala Nerang, Hajjah Azizah binti Tain.